

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI
[DUNGUN - PAS]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN NO.20

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan Sukan SEA ke 29 dan kesan kepada hala tuju pembangunan sukan negara.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah **RM450 juta** bagi penganjuran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9. Sebanyak **RM131.6 juta** pula telah diperuntukkan melalui RMK-11 bagi melaksanakan program persediaan atlet menghadapi Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2017.

2. Dari segi kesan kepada hala tuju pembangunan sukan Negara, Sukan SEA adalah platform kepada atlet yang terbaik di peringkat Asia Tenggara untuk pergi bertanding lebih jauh ke peringkat Asia, Komanwel dan seterusnya tahap tertinggi seperti Olimpik dan kejohanan dunia. Melalui Sukan SEA juga, kita dapat melahirkan dan mengenal pasti lebih ramai bilangan jaguh-jaguh sukan yang berpotensi untuk menjadi atlet bertaraf dunia satu hari nanti.

3. Selain itu, Sukan SEA turut menjadi indikator bagi menunjukkan Model Sukan Baharu yang diketengahkan pada tahun 2015 telah mula menampakkan hasil yang menggalakkan. Ini membuktikan hala tuju pembangunan sukan Negara adalah di landasan yang tepat bagi mewujudkan lebih ramai atlet bertaraf dunia.

Sekian, terima kasih.